



Headline	SSTMI Thunderbolts rangkul gelaran berganda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	59	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	227 cm ²
Journalist	SHAHIRIL NIZAM ABDULLAH	AdValue	RM 1,974
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,921



SSTMI Thunderbolts rangkul gelaran berganda

SHAHIRIL NIZAM ABDULLAH

SEKOLAH Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI Thunderbolts) meraih kejayaan hoki remaja Piala Milo tiga kali berturut-turut setelah menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) 1-0 pada aksi final di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.

Selaku juara, SSTMI Thunderbolts membawa pulang trofi dan hadiah utama RM25,000 manakala UniKL Young Guns meraih RM15,000 selaku naib juara.

Lebih manis kejayaan itu juga melengkapkan gelaran berganda buat skuad kendalian Wan Mohd. Roslan Wan Abd. Rahman selepas mereka menjuarai saingan Divisyen Satu Liga Hoki Remaja Malaysia baru-baru ini.

Pada aksi semalam, jaringan kapten SSTMI Thunderbolts, M. Shahril Saabah menerusi pukulan sudut penalti pada minit kelima sudah cukup untuk menggembirakan hampir 2,000 penyokong pasukan itu.

Tersentak dengan jaringan tersebut,

UniKL cuba bangkit mencari gol penyamaan dengan melakukan asakan bertali arus di hadapan gawang SSTMI Thunderbolts, namun peluang tersebut dipersia-siakan.

Penjaga gol SSTMI Thunderbolts, M. Ridzwan Azmi turut beraksi cemerlang dengan menyelamatkan beberapa percubaan berhaya UniKL menerusi pukulan sudut penalti.

Tekanan juga memuncak ketika perlawanan memasuki minit terakhir apabila beberapa pemain dilayangkan kad kuning serta mengalami kecederaan akibat perebutan bola dengan pemain lawan.

Bagaimanapun, edudukan 1-0 itu kekal sehingga tamat permainan.

Bagi UniKL, kekalahan itu turut memusnahkan impian mereka menamatkan kemarau kejayaan buat kali ketiga selepas kali terakhir muncul juara Piala Milo pada edisi 2010.



BARISAN pemain SSTMI Thunderbolts meraikan kejayaan muncul Piala Milo 2013 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam.